




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 225 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 35,640 kes. Dua (2) kes kematian direkodkan iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Lahad Datu dan Sandakan. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 239 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 33,357 orang. Sejumlah 1,589 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 576 orang di hospital dan 1,013 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 61 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat bertukar dari zon jingga ke zon merah.

- 4 Terdapat satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Kota Belud iaitu Kluster Pompod mencatatkan sebanyak empat (4) kes menjadikan jumlah kumulatif 19 kes. Kluster ini dikesan melalui saringan kontak rapat.
- 5 Daripada 225 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 125 kes (55.6%) adalah berpuncu dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 47 kes (20.9%), saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada 38 kes (16.9%), saringan komuniti 1 kes (0.4%) dan 14 kes (6.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,444 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,410 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 24.79%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **303,912** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

C. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 5 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 224 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Kinabatangan | 99% |
| 2 | Sipitang | 99% |
| 3 | Kota Belud | 99% |
| 4 | Kota Kinabalu | 99% |
| 5 | Kudat | 98.5% |
| 6 | Beaufort | 98.5% |
| 7 | Kunak | 98.5% |
| 8 | Semporna | 98% |
| 9 | Penampang | 98% |
| 10 | Papar | 98% |
| 11 | Kota Marudu | 98% |
| 12 | Beluran | 98% |
| 13 | Sandakan | 98% |
| 14 | Ranau | 98% |
| 15 | Lahad Datu | 97% |
| 16 | Tuaran | 97% |
| 17 | Keningau | 97% |
| 18 | Tenom | 97% |
| 19 | Tawau | 97% |

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

Bagi pihak Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah, saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal 2020. Patuhilah SOP ketika kunjung-mengunjung dan teruskan berdoa agar kita berjaya memutuskan rantaian COVID-19 secara total.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
25 Disember 2020